

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SERI HAJI AHMAD BIN MASLAN  
[PONTIAN]**

**TARIKH : 15 JULAI 2019 (ISNIN)**

**SOALAN NO. 16**

**DATO' SERI HAJI AHMAD BIN MASLAN [PONTIAN]** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan menyatakan senarai 50 syarikat pengeksport Bumiputera yang utama serta nilainya dan senarai 50 syarikat pengeksport utama bukan Bumiputera serta nilainya dalam setahun. Apakah langkah berkesan untuk tambah jumlah pengeksport Bumiputera yang baru dan negara mana sasaran utama dan jenis produk yang dieksport.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Saya mohon menjawab soalan YB Pontian bersama-sama dengan soalan daripada YB Pasir Salak bertarikh 18 Julai kerana kedua-dua soalan adalah berhubungkait.

2. Nilai eksport bagi 50 syarikat Bumiputera yang utama yang berdaftar dengan MATRADE bagi tahun 2018 adalah sebanyak RM2.47 bilion. Sektor-sektor yang terlibat merangkumi sektor makanan & minuman, mesin & jentera, ICT, elektrik & elektronik, gaya hidup & sains hayat. Manakala nilai eksport bagi 50 syarikat bukan Bumiputera yang utama yang berdaftar dengan MATRADE bagi tahun 2018 adalah sebanyak RM5.54 billion dan merangkumi sektor produk berasaskan minyak sawit, makanan & minuman, ICT, elektrik & elektronik, gaya

hidup & sains hayat. Saya akan memberikan senarai nama 50 syarikat utama tersebut secara langsung kepada kedua-dua YB.

3. Dalam usaha untuk meningkatkan bilangan pengeksport Bumiputera yang baru, MATRADE menggunakan gandingan dua program secara berterusan. Kaedah pertama melibatkan program jangkauan dan kesedaran (*outreach and awareness*) yang bertujuan menyalurkan maklumat mengenai peluang dan potensi eksport serta isu-isu berkaitan dengan pematuhan pra-syarat import, pensijilan dan piawaian wajib terhadap sesuatu produk atau perkhidmatan yang ditawarkan. Menerusi program ini, syarikat-syarikat Bumiputera mendapat pendedahan kepada banyak isu dan pra-syarat yang harus digarap untuk membolehkan mereka membuat penilaian sama ada telah cukup syarat dan bersedia untuk berkecimpung dalam aktiviti eksport.

4. Program sokongan susulan pula menjurus kepada usaha membimbing syarikat-syarikat Bumiputera yang layak, berpotensi dan mempunyai keupayaan pengeluaran dan terpilih menyertai Program Pembangunan Eksport Bumiputera. Di bawah program selama 36 bulan ini, tumpuan adalah diberi terhadap aktiviti promosi eksport seperti penyertaan di dalam pameran perdagangan luar negara atau penyertaan dalam misi peningkatan eksport ke luar negara. Program ini menyediakan insentif pembiayaan meliputi kos yuran penyertaan dan ruang pameran, kos penginapan dan penerbangan pergi-balik untuk seorang sepanjang aktiviti berlangsung.

Yang di-Pertua,

5. Berhubung dengan fokus pasaran dan jenis produk, ianya bergantung dengan kesesuaian, jangkauan penerimaan dan citarasa pelanggan di negara yang akan dieksport. Syarikat-syarikat akan dibimbing untuk menggunakan kemudahan yang disediakan oleh 'Business Information Centre' (BIC) MATRADE khususnya perangkaan produk dan sektor, pelbagai laporan komersial berbayar yang dilanggan oleh MATRADE. Syarikat disyor membuat penyelidikan dan pengumpulan maklumat mengenai produk sejenis dan pesaing untuk memastikan tahap kebolehan daya saing dalam pasaran yang ingin ditembusi. Sekian, terima kasih.